



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**22 April 2024
13 Syawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• 100 nelayan terjejas muara sungai cetek
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Tangkap 10kg lampam ekor merah dalam tempoh sejam • Nelayan resah Muara Sungai Merchang cetek
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	• Planet vs Plastik
The Sun	• Langkah bersepadu diperlukan untuk tangani isu pencemaran plastik - DOF
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF	✓	NEUTRAL		35	22.4.2024

100 nelayan terjejas muara sungai cetek

MARANG: Kira-kira 100 nelayan terjejas pendapatan kerana tidak dapat turun ke laut mencari rezeki berikutan muara Sungai Merchang, di sini yang semakin cetek.

Seorang nelayan, Mohd. Arifin Jusoh, 56, berkata, masalah itu semakin ketara sejak dua minggu lalu apabila mereka terpaksa menggunakan wang simpanan untuk meneruskan kehidupan.

Katanya, masalah muara cetek itu berlanjutan sejak berpuluh tahun lalu dan telah mendapat perhatian kerajaan.

"Ada satu projek pemuliharaan Sungai Merchang termasuk mendalamkan muara kini sedang berjalan dan sepatutnya siap pada Disember tahun lalu.

"Namun, projek itu belum siap mengikut jadual kerana pelbagai faktor dan kami yang hanya bergantung rezeki dengan menangkap ikan di laut sangat berharap ia dapat disiapkan segera," katanya ketika ditemui Utusan Ma-

laysia di sini, semalam.

Lebih menyedihkan nelayan terlibat tidak dapat turun ke laut sejak tengkujuh melanda Pantai Timur pada November tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, terdapat sebahagian nelayan memperjudi nasib turun ke laut dengan menunggu air pasang penuh namun berdepan kesukaran kerana terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama sebelum boleh masuk atau keluar dari muara.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Ali Abu Bakar, 53, pula berkata, muara tersebut bukan sahaja digunakan oleh nelayan di Kampung Merchang, sebaliknya menjadi tumpuan nelayan dari kampung sekitar termasuk Tok Fakir dan Gong Balai.

"Ramai nelayan yang mengalami kerosakan bot kerana tersangkut di beting pasir ketika cuba masuk ke muara dan ini menambahkan lagi kerugian mereka," ujarinya.



NELAYAN terpaksa menolak bot mereka yang tersangkut di beting pasir akibat muara cetek Sungai Merchang, Marang, Terengganu.
- UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		15	22.4.2024



MOHAMAD ZULKIFLI menunjukkan antara ikan lampam ekor merah yang berjaya ditangkapnya di Sungai Ketil berhampiran Kampung Lubuk Pedati, semalam.

Tangkap 10 kg lampam ekor merah dalam tempoh sejam

BALING – Dua beradik tidak menyangka mereka dapat menaikkan lebih 10 kilogram (kg) ikan lampam ekor merah dalam tempoh kira-kira sejam ketika menjala ikan di Sungai Ketil, di sini semalam.

Mohamad Zulkifli Alias, 29, berkata, musim panas yang melanda turut membawa rezeki berganda buat mereka yang menjala dan menahan pukat dengan meraih tangkapan lebih lumayan berbanding hari biasa.

“Faktor air sungai yang surut serta ditambah keadaan cuaca panas menyebabkan ikan lebih mudah ditangkap.

“Saya terkejut apabila dapat menangkap ikan lampam ekor merah ini dengan mudah apabila menjala dan menahan pukat dengan abang, Mohamad Firdaus, 31,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurutnya, sebelum ini mereka sering melakukan aktiviti yang sama, namun untuk mendapatkan sekilogram ikan pun sukar kerana air sungai agak dalam dan deras.

“Jika dapat ikan, hanya yang kecil-kecil sebesar dua jari sahaja tetapi bukan ikan lampam ekor merah, yang dapat hanya ikan peridung, ikan tilan, ikan sia, ikan baung, ikan keli, ikan haruan,

atau ikan tengalan.

“Tetapi kali ini, kami berjaya menangkap ikan lampam ekor merah dengan banyak dan saiznya juga besar, ada yang melebihi saiz tapak tangan orang dewasa, fenomena ini amat jarang berlaku,” katanya.

Rosli Mat Desa, 62, pula berkata, sebelum bulan Ramadan lalu, dia sering melihat ikan-ikan lampam ekor merah ini bergerak secara berkumpulan dalam sungai yang cetek dan jernih.

“Mungkin ini waktunya ikan-ikan lampam ekor merah ini melepaskan telurnya apabila mudik ke hulu,” katanya.

Kosmo, ms15, 22.4.24

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		15	22.4.2024



SEBAHAGIAN nelayan terpaksa berpatah balik setelah bot mereka tersangkut pada beting pasir muara Sungai Merchang, Marang semalam.

Pendapatan terjejas ekoran tidak boleh ke laut kosmo, ms15
22hb

Nelayan resah Muara Sungai Merchang cetek

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

MARANG — Kira-kira 100 nelayan berada dalam dilema ekoran masih tidak dapat turun ke laut walaupun Monsun Timur Laut sudah berakhir bulan lalu ekoran muara Sungai Merchang di sini semakin cetek.

Salah seorang nelayan, Mohd. Ariffin Jusoh, 56, mendakwa, beting-beting pasir yang banyak di muara sungai tersebut amat berbahaya buat bot-bot mereka.

"Bot kami tidak dapat keluar ke laut ekoran beting pasir itu dan jika ditolak secara manual, ia bukan sahaja boleh merosakkan bot, malah dikhuatiri mengancam nyawa.

"Sebenarnya projek mendambakan muara Sungai Merchang telah diluluskan kerajaan dan sepatutnya siap Disember

tahun lalu, namun kontraktor dilantik gagal menyiapkannya mengikut jadual ditetapkan," dakwanya ketika ditemui di Merchang di sini semalam.

Mohd. Ariffin mendakwa nelayan-nelayan tempatan bercadang untuk membantu kontraktor terlibat untuk turut sama-sama membantu mengatasi masalah beting pasir berkenaan.

Dakwanya, niat mereka agar inisiatif tersebut dapat mempercepatkan lagi kerja-kerja mendambakan muara Sungai Merchang tersebut.

"Kami telah menghantar surat rasmi baru baru ini dan sedang menunggu maklum balas pihak kontraktor berkenaan.

"Jeti nelayan Merchang ini sangat penting kerana bukan sahaja digunakan nelayan tem-

patan, malah beberapa perkampungan berhampiran seperti Kampung Tok Fakir dan Gong Balai," jelasnya.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Ali Abu Bakar, 53, pula mendakwa, rata-rata nelayan Merchang sudah tidak tahan lagi ketiadaan pendapatan ekoran hampir enam bulan tidak turun ke laut sejak permulaan Monsun Timur Laut pada bulan Oktober lalu.

"Menangkap ikan satu-satu sumber pendapatan kami untuk menyara keluarga.

"Simpanan pun semakin berkurang menyebabkan kami terpaksa mengikat perut," katanya.

Mohd. Ali berkata, sambutan Hari Raya Aidilfitri mereka baru-baru ini pun sekadar ala kadar sahaja.

Langkah bersepadu diperlukan untuk tangani isu pencemaran plastik - DOF



PUTRAJAYA: Langkah bersepadu melibatkan kerajaan, perniagaan, komuniti dan individu sangat diperlukan bagi menangani isu pencemaran plastik, menurut Jabatan Perikanan (DOF).

DOF dalam kenyataan menegaskan bahawa semua pihak perlu mengurangkan pencemaran dan penggunaan plastik, meningkatkan kecekapan sistem pengurusan sisa selain menggalakkan penggunaan bahan alternatif bagi menangani isu itu.

DOF memaklumkan pihaknya menjalankan kajian pencemaran mikroplastik dan makroplastik sejak 2019 di persekitaran akuatik Semenanjung Malaysia khususnya bahagian barat laut dan pantai timur, Labuan serta dalam tisu ikan komersial dan kerang-kerangan.

Dapatan kajian menunjukkan jenis plastik yang kerap ditemui dalam persekitaran akuatik tempatan dan global ialah rayon, polietilena dan polipropilena.

"Jenis plastik ini digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian terutama dalam industri pakaian, pembungkusan makanan dan lain-lain industri," demikian menurut kenyataan yang dikeluarkan jabatan itu sempena Hari Bumi Sedunia hari ini.

Menurut DOF bahan kimia digunakan dalam penghasilan plastik seperti bisphenol A (BPA) dan phthalate boleh dirembes dan berakumulasi dalam persekitaran dan sumber makanan justeru menimbulkan kebimbangan mengenai kesan jangka panjang bahan itu terhadap kesihatan sejagat.

"Hubung kait antara bahan kimia ini dengan masalah kesihatan seperti ketidakseimbangan hormon serta masalah reproduksi telah banyak dilaporkan," menurut kenyataan itu.

DOF memaklumkan pendedahan berterusan mikroplastik pada kepekatan yang tinggi kepada ikan akan mengakibatkan pelbagai impak negatif seperti tekanan oksidatif, keradangan, imunotoksik, genotoksik, kerosakan DNA serta mengubah mikrobiota usus yang memberi kesan kepada pertumbuhan dan kualiti ikan.

Langkah bersepadu diperlukan untuk tangani isu pencemaran plastik - DOF

"Selain itu, kepadatan mikroplastik yang tinggi di pantai penetasan penyu akan meningkatkan suhu pasir pantai sekali gus mengancam perkembangan penetasan penyu," menurut kenyataan itu.

Sehubungan itu, DOF mengajak semua pihak untuk bersama-sama melindungi bumi daripada 'kesengsaraan' pencemaran plastik.

Sempena Hari Bumi, DOF juga telah melaksanakan pelepasan 100 induk ikan kelisa emas di Tasik Bukit Merah, Perak semalam sebagai usaha memulihara serta menjamin kelestarian sumber khazanah bumi. – The Sun

Planet vs Plastik



TARIKH 22 April telah diisytihar sebagai Hari Bumi Sedunia setiap tahun sebagai pengingat kepada global akan tanggungjawab untuk menjaga planet Bumi bagi kemampanan generasi akan datang. Tema Hari Bumi pada tahun ini "*Planet vs Plastics*" dipilih bagi menangani salah satu isu sejagat masa kini iaitu pencemaran plastik serta keperluan bertindak untuk mencapai sasaran pengurangan 60% pengeluaran plastik global menjelang tahun 2040.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab menjaga persekitaran akuatik komited dalam menangani isu pencemaran plastik. DOF melalui Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) yang mempunyai kapasiti dan kapabiliti telah membangunkan kajian bagi menganalisis mikroplastik sejak lima tahun yang lalu. Kajian pencemaran mikroplastik dan makroplastik yang mula dilaksanakan sejak tahun 2019 telah dijalankan di persekitaran akuatik Semenanjung Malaysia (khususnya bahagian barat laut dan pantai timur), Labuan serta dalam tisu ikan komersial juga kerang-kerangan.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussain, dapatan kajian menunjukkan jenis plastik yang kerap ditemui dalam persekitaran akuatik tempatan dan global adalah rayon, polyethylene dan polypropylene. Jenis plastik ini digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian terutama dalam industri pakaian, pembungkusan makanan dan lain-lain industri. Lebih membimbangkan adalah bahan kimia yang digunakan di dalam penghasilan plastik seperti bisphenol A (BPA) dan phthalate boleh dirembes dan berakumulasi di dalam persekitaran dan sumber makanan dan kebimbangan adalah mengenai kesan jangka panjang terhadap kesihatan sejagat.

Planet vs Plastik

Hubung kait antara bahan kimia ini dengan masalah kesihatan seperti ketidakseimbangan hormon serta masalah reproduksi telah banyak dilaporkan. Pendedahan berterusan mikroplastik pada kepekatan yang tinggi kepada ikan juga akan mengakibatkan pelbagai impak negatif seperti tekanan oksidatif, keradangan, imunotoksik, genotoksik, kerosakan DNA serta mengubah mikrobiota usus yang memberi kesan kepada pertumbuhan dan kualiti ikan. Selain itu, kepadatan mikroplastik yang tinggi di pantai penetasan penyu akan meningkatkan suhu pasir pantai sekaligus mengancam perkembangan penetasan penyu.

Kajian awal berkaitan kuantiti, komposisi dan kepadatan plastik yang ditemui di dasar laut Kuala Pahang, Malaysia juga telah dijalankan pada tahun 2020. Bagi menangani krisis pencemaran plastik, kerjasama semua pihak daripada kerajaan, perniagaan, komuniti hinggalah kepada setiap individu adalah sangat diperlukan.

Langkah bersepadu daripada kita semua perlu untuk mengurangkan pencemaran dan penggunaan plastik, meningkatkan kecekapan sistem pengurusan sisa, serta galakan penggunaan bahan alternatif amat penting untuk menangani isu ini. Sempena Hari Bumi 2024, DOF pada 21 April 2024 telah melaksanakan pelepasan 100 induk ikan kelisa emas di Tasik Bukit Merah sebagai usaha memulihara serta menjamin kelestarian sumber khazanah bumi dan pelbagai lagi program telah dirancang bagi mendukung Hari Bumi pada tahun ini. DOF ingin mengajak semua pihak untuk bersama-sama melindungi bumi daripada kesengsaraan pencemaran plastik.

Kesedaran sangat dituntut dalam membuat pilihan tepat dalam kehidupan seharian kerana ia akan menyumbang kepada masa depan yang lebih sihat dan berkeselamatan bagi generasi yang akan datang. Bersama-sama, kita dapat mengubah arus pencemaran plastik dan memastikan planet kita tetap menjadi "rumah" yang makmur bagi semua kehidupan. Ingat, 'Pilih yang boleh digunakan semula, jauhkan plastik sekali guna dari pinggan anda!'. - MG